

Faktor Penyerahan Sarawak kepada British

Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. Antaranya termasuklah masalah pewarisan takhta, kewangan dan desakan kerajaan British yang berterusan.

Masalah Pewarisan Takhta

Semasa Charles Brooke mewariskan takhtanya kepada Vyner Brooke, beliau mewasiatkan Vyner Brooke supaya mengadakan rundingan dengan saudaranya, Bertram Brooke dalam menjalankan pentadbiran negeri. Namun begitu, Vyner Brooke sering mengetepikan Bertram Brooke dan melaksanakan keputusan mengikut kehendaknya sendiri. Selain itu, Vyner Brooke tidak mempunyai anak lelaki bagi menggantikan tempatnya sebagai raja, sedangkan beliau semakin tua dan uzur. Vyner Brooke enggan melantik anak saudaranya Anthony Brooke (anak Bertram Brooke) menggantikan tempatnya sebagai raja Sarawak, sebaliknya beliau lebih rela menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British.

Desakan Kerajaan British

Menjelang tahun 1938, Lord Moyne, Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan, mengarahkan Shenton Thomas supaya mengadakan perjanjian tambahan dengan Sarawak. Perjanjian ini memberikan kuasa kepada British untuk melindungi Sarawak sekiranya diserang oleh Jepun. Pada bulan November 1941, perjanjian tambahan dimeterai. Dengan perjanjian ini, British mengawal pertahanan, hubungan luar dan pentadbiran Sarawak. Pada 19 Jun 1944, Pejabat Tanah jajahan mengenakan tekanan demi tekanan terhadap Vyner Brooke supaya bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British. Akhirnya, Vyner Brooke bersetuju menyerahkan Sarawak kepada British yang berupaya memajukan dan mengukuhkan pertahanan Sarawak.

Masalah Kewangan

Vyner Brooke tidak mampu menyediakan kemudahan dan perubahan dari segi sosioekonomi kepada penduduk Sarawak. Keadaan ini disebabkan oleh kemusnahan yang berlaku akibat Perang Dunia Kedua. Kerja pemulihan memerlukan kos yang besar. Vyner Brooke menghadapi masalah kewangan untuk memulihkan Sarawak.